



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	ASAS KEUSAHAWANAN ISLAM
KOD KURSUS	:	DPB3333
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (20 Markah)
 - BAHAGIAN C (60 Markah)


2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A dan B** . Jawab **DUA (2)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN C**.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Betul/ Salah
 - iii. Jawab BAHAGIAN C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Borang Jawapan Betul/ Salah
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Manakah di antara berikut merupakan maklumat psikografik?
 - i) ego
 - ii) pendapatan
 - iii) pendidikan
 - iv) status
 - v) keinginan

A. i, ii dan iii sahaja
B. i, iii dan v sahaja
C. ii, iv dan v sahaja
D. i, iv dan v sahaja


2. Manakah antara berikut **TIDAK TERMASUK** dalam sumber inovasi?
 - A. Situasi di luar jangkauan
 - B. Usaha berterusan
 - C. Keperluan proses
 - D. Perubahan persepsi

3. Kenalpasti faktor yang perlu diambil kira untuk menentukan jualan.
 - A. Mengenalpasti pesaing
 - B. Menarik perhatian pelanggan
 - C. Tanggapan dan nilai pelanggan
 - D. Khidmat selepas jualan

4. Puan Zaidah merancang untuk mengupah pekerja baru sebagai pembantu jualan dengan gaji RM900 sebulan. Sekiranya potongan KWSP adalah 9% dan 11% untuk pekerja dan majikan, berapakah jumlah perbelanjaan Puan Zaidah sekiranya dia meneruskan rancangannya itu?
- A. RM900
 - B. RM981
 - C. RM999
 - D. RM1080
5. Manakah antara berikut **BETUL** tentang kebaikan perniagaan francais?
- A. Usahasama dibentuk oleh firma-firma yang ingin memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.
 - B. Tidak terikat dengan mana-mana pihak pemilik.
 - C. Mudah ditubuhkan dan mudah dibubarkan.
 - D. Risiko adalah rendah jika dibandingkan dengan memulakan perniagaan sendiri.
6. Kenalpasti pernyataan yang **SALAH**.
- A. Strategi pemasaran yang akan digunakan bagi tujuan mencapai jualan yang diramalkan.
 - B. Liabiliti semasa terdiri daripada pinjaman bank untuk membeli kenderaan.
 - C. Untung bersih diperolehi selepas untung kasar ditolak dengan perbelanjaan lain seperti sewa.
 - D. Syarikat Awam Berhad perlu bermula dengan penubuhan syarikat Sdn. Bhd.
7. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan aset tetap?
- A. Mesin dan peralatan
 - B. Kereta
 - C. Stok
 - D. Perabot

8. Perkara-perkara berikut terkandung di dalam Penyata Pendapatan **KECUALI**.
- A. Gaji jurujual
 - B. Insurans barang
 - C. Ekuiti
 - D. Cukai harta
9. Berikut adalah tokoh-tokoh usahawan di Malaysia dan bidang yang mereka ceburi. Pilih padanan yang **BETUL** mengenai tokoh usahawan di bawah.
- i) Faiza Bawumi Sayed Ahmad – Syarikat Faiza Sdn. Bhd
 - ii) Taib Muda – Orisahanif Enterprise
 - iii) Datuk Yusuf Taiyoob – Yusuf Taiyoob
 - iv) Datuk Maznah Hamid – Kumpulan Securiforce
 - v) Syed Osman Syed Rashtan – Diversatech (M) Sdn. Bhd
- A. I, ii, iii dan v sahaja
 - B. ii, iii, iv dan v sahaja
 - C. i, iii, iv dan v sahaja
 - D. i, ii, iii, iv dan v
10. Pernyataan "Usahawan yang berjaya selalunya mencari jalan untuk melakukan sesuatu kerja dengan cepat, penggunaan bahan mentah dan masa yang minimum serta kos yang rendah" berkaitan dengan:
- A. Membuat perancangan yang sistematik
 - B. Berorientasi ke arah kecekalan
 - C. Menitikberatkan mutu kerja yang tinggi
 - D. Menggunakan strategi pengaruh

11. Manakah antara berikut terlibat dalam proses mengkaji idea bersama-sama pihak yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran?
- A. Pengumpulan pengetahuan atau latar belakang
 - B. Inkubasi
 - C. Pengilhaman
 - D. Verifikasi
12. Kenalpasti bantuan kewangan yang disediakan untuk pembangunan usahawan.
- A. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)
 - B. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
 - C. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
 - D. Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)
13. Sasaran pembaca rancangan perniagaan terdiri daripada:
- i) Pekerja
 - ii) Pelabur
 - iii) Pembekal
 - iv) Pendaftar syarikat
- A. ii sahaja
 - B. ii dan iii sahaja
 - C. i, ii dan iii sahaja
 - D. i, ii dan iv sahaja

14. Manakah antara berikut **TIDAK BENAR** tentang proses Carta Alir?
- A. Carta ini memudahkan usahawan menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan di dalam proses pengeluaran.
 - B. Menjelaskan langkah-langkah yang perlu bagi menghasilkan set produk.
 - C. Dalam proses Carta Alir "kelewatan" bermaksud bahan ataupun objek perlu bagi proses seterusnya.
 - D. Simbol  bermaksud bahan ataupun objek bergerak dari satu tempat ke tempat lain.
15. Kenalpasti manakah antara berikut **TIDAK BENAR** tentang kegunaan unjuran penyata kewangan.
- A. Tujuan percukaian oleh kerajaan
 - B. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi
 - C. Menilai prospek pelaburan
 - D. Menguruskan akaun-akaun bank
16. "Berurusan dengan lebih efisien dan profesional terhadap para pelanggan". Pernyataan di atas merupakan _____ sesebuah organisasi.
- A. Visi
 - B. Misi
 - C. Objektif
 - D. Matlamat
17. Pada pandangan anda, apakah yang dikatakan susun atur ruang operasi yang baik?
- A. Arah aliran proses pengeluaran yang lurus.
 - B. Kedudukan kewangan pembekal.
 - C. Harga dan kualiti bahan, mesin, peralatan dan komponen.
 - D. Aspek kejuruteraan dan kawalan kualiti oleh pembekal.

18. Manakah antara berikut **BUKAN** empat langkah dalam menyediakan ramalan jualan.
- A. Meramal jualan
 - B. Menganggarkan syer pasaran
 - C. Mengenalpasti pesaing
 - D. Menarik perhatian pelanggan
19. Kenaplasti manakah antara pro forma penyata kewangan berikut mesti dibentangkan di bahagian kewangan dalam rancangan perniagaan.
- i) Penyata Kunci Kira-kira
 - ii) Penyata Untung/ Rugi
 - iii) Penyata Aliran Tunai
 - iv) Penyata Hutang
- A. i dan ii sahaja
 - B. i, ii dan iii sahaja
 - C. ii dan iii sahaja
 - D. Semua di atas



20. Jenama-jenama di atas adalah contoh _____ di Malaysia.
- A. Francaisor tempatan
 - B. Francaisor antarabangsa
 - C. Broker francais
 - D. Francais induk

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Betul/ Salah.

1. Menjalankan perniagaan juga merupakan sebahagian daripada tugas Khalifah Allah di muka bumi ini.
2. Usahawan berupaya menggunakan strategi pengaruh untuk mencapai matlamat perniagaan
3. Meletakkan buku nota di sebelah katil untuk mencatatkan idea-idea sebelum atau sesudah bangun tidur merupakan antara aktiviti untuk mempercepatkan proses pengalaman idea.
4. Perubahan demografi dan belajar dari kesilapan merupakan sumber-sumber inovasi.
5. Mengenalpasti keperluan dan kehendak pengguna merupakan proses kedua di dalam mengenalpasti, menilai dan memilih peluang.
6. Terdapat tiga keadaan yang boleh menentukan tahap risiko iaitu jumlah pelaburan, cara memasuki pasaran dan merangka rancangan perniagaan.
7. Pemilihan lokasi syarikat dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti saiz pasaran, sumber bahan mentah dan peraturan dan undang-undang setempat.
8. Milikan tunggal perlulah didaftarkan di bawah Akta Perniagaan 1956.
9. Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad merupakan dua jenis enterprise dengan liabiliti tidak terhad.
10. Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan salah satu agensi di Malaysia yang menawarkan latihan pengurusan kepada usahawan-usahawan.
11. Kehendak merujuk kepada keperluan asas manusia untuk hidup dan keperluan merujuk kepada kehendak peribadi seseorang yang mahukan sesuatu yang lebih.
12. Sebab seseorang menjual sesebuah perniagaan adalah usia tua atau sakit.
13. Pada amnya, maklumat di dalam pernyataan visi adalah seperti alasan perniagaan diwujudkan dan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

14. Proforma Aliran Tunai disediakan untuk meramal dan mengetahui keseluruhan kedudukan kewangan pada akhir tahun perakaunan.
15. Kemahiran konsepsi diperlukan dalam menyiapkan tugas dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan perniagaan.
16. Kelebihan struktur fungsian setiap pekerja akan menjadi lebih mahir dalam bidang kepakaran masing-masing.
17. Motivasi adalah suatu kuasa atau perasaan dalaman yang mendorong individu untuk berusaha dan menuju ke arah pencapaian sesuatu matlamat.
18. Pengeluaran tergendala merupakan salah satu risiko yang perlu dihadapi oleh usahawan.
19. Maklumat diri dan cara hidup pelanggan dikenali sebagai maklumat demografik.
20. Proses pengeluaran hanya melibatkan proses kerja, proses kelompok dan proses projek sahaja.

(20 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Syarikat Rumpun Serai merupakan syarikat bumiputera yang mengeluarkan barangan kesihatan berasaskan herba. Kini, syarikat berkenaan menghadapi penurunan jumlah jualan kerana terpaksa menghadapi persaingan daripada lambakan pesaing yang menjual barangan kesihatan di pasaran. Untuk menghadapi masalah ini, Syarikat Rumpun Serai merancang untuk mempertingkatkan aktiviti promosi bagi meningkatkan jualan. Oleh itu, anda diminta untuk membantu syarikat dengan memberi khidmat nasihat pemasaran sebagaimana berikut:

- a. Nyatakan **EMPAT (4)** elemen pemasaran yang boleh digunakan dalam strategi pemasaran.

(4 markah)

- b. Bincangkan **EMPAT (4)** strategi promosi bagi tujuan meningkatkan hasil jualan.

(12 markah)

- c. Bantu Syarikat Rumpun Serai untuk menyediakan rancangan perbelanjaan pemasaran berdasarkan maklumat di bawah:

Papan iklan	RM550
Gaji pemandu	RM1450/sebulan
Petrol	RM500/sebulan
Gaji jurujual	RM3000/sebulan
Majlis promosi	RM5000
Rak untuk pameran	RM1500

(10 markah)

- d. Sekiranya kos pengeluaran sekotak teh kesihatan ialah RM20.00 dan margin keuntungan 15%, maka berapakah harga sekotak teh kesihatan yang perlu Syarikat Rumpun Serai tawarkan kepada pelanggan.

(4 markah)

SOALAN 2

Haikal merupakan seorang graduan Diploma Kejuruteraan Elektronik dari sebuah politeknik di selatan tanahair. Ayah Haikal memiliki sebuah bangunan kilang berhampiran tempat tinggal mereka. Memandangkan kilang berkenaan masih belum beroperasi, Haikal mengambil keputusan untuk menguruskan suatu perniagaan. Haikal telah berjumpa dengan anda untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi menjana peluang perniagaan untuk diusahakan. Anda diminta memberikan cadangan kepada Haikal berdasarkan kepada:

- a. Senaraikan **LIMA (5)** proses mengenalpasti, menilai dan memilih peluang perniagaan.

(5 markah)

- b. Jelaskan **LIMA (5)** faktor persekitaran luaran yang perlu dikenalpasti oleh Haikal bagi mendapatkan idea perniagaan. Setiap faktor perlulah disertakan contoh-contoh idea perniagaan yang sesuai.

(15 markah)

- c. Terangkan **LIMA (5)** faktor penilaian sendiri yang perlu dipertimbangkan bagi membantu Haikal dalam memilih idea perniagaan yang baik.

(10 markah)

SOALAN 3

En. Roslan ingin mengembangkan perniagaan runcitnya dan bercadang untuk mendapatkan modal tambahan daripada pihak bank bagi membuka sebuah lagi kedai. Ini kerana, modal sedia ada tidak mencukupi. Beliau tidak mempunyai pengetahuan bagaimana untuk menghasilkan satu rancangan perniagaan.

- a. Senaraikan **EMPAT BELAS (14)** perkara yang terkandung di dalam satu format rancangan perniagaan bagi membantu En. Roslan menyiapkan rancangan perniagaannya.

(14 markah)

- b. Nyatakan **EMPAT (4)** kepentingan rancangan perniagaannya.

(4 markah)

- c. Bincangkan perkara-perkara berikut:

- i. Ringkasan Eksekutif
- ii. Jadual pelaksanaan projek
- iii. Rancangan pemasaran

(12 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

